

37 kampung diancam hakisan, tanah runtuh



AZMI Che Hussin melihat keadaan sebuah titi yang runtuh akibat hakisan tebing di Kampung Batu Tujuh Rambong, Baling, Kedah, semalam.

BALING 22 Nov. - Beberapa lokasi di 37 kampung di kawasan Bayu telah dikenal pasti berhadapan dengan risiko hakisan dan tanah runtuh.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan itu, Azmi Che Hussin berkata, kesemua Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) telah dimaklumkan mengenai perkara tersebut sebagai langkah berjaga-jaga untuk memastikan keselamatan hampir 20,000 penduduk kawasan terbabit.

Katanya, nilai keseluruhan perbelanjaan yang diperlukan untuk memulihkan hakisan-hakisan tersebut dijangka memerlukan kos sehingga mencecah RM2 juta.

“Hakisan tanah dan tebing di kawasan itu sahaja sudah mengancam nyawa penduduk dan tindakan segera perlu dilakukan segera untuk mengatasi masalah tersebut,” katanya selepas melawat kawasan tanah runtuh di Kampung Batu Tujuh Rambong di sini hari ini.

Pada 17 November lalu, sembilan rumah terputus hubungan apabila jambatan yang menjadi penghubung kampung mereka dengan kawasan luar runtuh dalam kejadian itu seawajarnya untuk kebajikan semua pihak.

Azmi menambah, runtuhan yang disebabkan aliran air yang terlalu kuat itu mengakibatkan kawasan tebing terhakis sehingga tidak mampu menahan beban jambatan berkenaan.

“Hakisan ini telah membuatkan titi di tebing kampung ini runtuh,” tambahnya.

Katanya, beberapa kampung lain turut menghadapi masalah risiko jambatan mereka runtuh akibat hakisan berkenaan.

Tambahnya, kerja-kerja memulihkan jambatan berkenaan memerlukan peruntukan yang besar dan sumber kewangan tersebut tidak boleh diharapkan kerajaan negeri.

“Sekiranya masalah ini dibiarkan, ianya akan menjadi lebih teruk dan pastinya memerlukan kos yang lebih,” katanya yang juga Naib Ketua UMNO Bahagian Baling.

Justeru, beliau menyeru Unit Penyelaras Jabatan Perdana Menteri bagi menimbang dan mengkaji masalah itu seawajarnya untuk kebajikan semua pihak.

“Kita tidak mampu lagi bergantung kepada kerajaan negeri dan saya amat berharap semua pihak termasuk agensi dan jabatan terlibat berganding bahu menangani masalah ini,” katanya.